

Bil. S 31

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PENDIDIKAN WAJIB, 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan gelaran panjang.
 2. Tafsiran.
 3. Pendidikan wajib.
 4. Pengecualian.
 5. Penubuhan dan keanggotaan Lembaga.
 6. Tempoh memegang jawatan.
 7. Mesyuarat Lembaga.
 8. Kuasa dan kewajipan Lembaga.
 9. Hukuman.
 10. Tiada sesiapa pun boleh dituduh melakukan kesalahan kecuali atas aduan Setiausaha Tetap.
 11. Mengkompaun kesalahan.
 12. Perlindungan dari liabiliti diri.
 13. Kuatkuasa Perintah ini tidak menjaskan S 59/03.
 14. Peraturan-peraturan.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENDIDIKAN WAJIB, 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pendidikan Wajib, 2007.
(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan wajib dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Lembaga" bermakna Lembaga Pendidikan Wajib yang ditubuhkan oleh bab 5;

"kanak-kanak yang berumur wajib disekolahkan" bermakna seseorang kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke atas yang belum mencapai umur 15 tahun dan kanak-kanak itu memenuhi syarat-syarat untuk mendapat pendidikan rendah dan menengah bawah sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Setiausaha Tetap;

"sekolah Kerajaan" bermakna mana-mana institusi bagi penyediaan pendidikan rendah dan menengah bawah sepenuh masa, iaitu —

(a) sesebuah sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan secara khusus oleh Kerajaan; atau

(b) sekolah lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan;

"Menteri" bermakna Menteri Pendidikan;

"ibu bapa", berkenaan dengan seseorang kanak-kanak yang dikenakan bab 3(1), mempunyai bermakna yang sama sebagaimana dalam bab 2 dari Perintah Pendidikan, 2003 (S 59/03);

"Setiausaha Tetap" bermakna Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah bab 4 dari Perintah Pendidikan, 2003 (S 59/03);

Pendidikan wajib.

3. (1) Seseorang kanak-kanak yang berumur wajib disekolahkan adalah kanak-kanak yang —

- (a) lahir pada atau selepas 1 haribulan Januari, 2002;
- (b) menjadi warganegara Negara Brunei Darussalam; dan
- (c) tinggal di Negara Brunei Darussalam.

dan kanak-kanak itu hendaklah sentiasa hadir di sesebuah sekolah Kerajaan sebagai seorang murid.

(2) Jika seseorang kanak-kanak yang berumur wajib disekolahkan tidak sentiasa hadir di sesebuah sekolah Kerajaan sebagai seorang murid sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (1), setiap ibu bapa kanak-kanak itu adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Bab ini tidak dikenakan kepada —

- (a) seseorang kanak-kanak yang berumur wajib disekolahkan yang ibu bapanya mengemukakan dalam masa yang munasabah sesuatu sebab sehingga memuaskan hati Setiausaha Tetap yang kerananya kanak-kanak itu tidak hadir di sesebuah sekolah Kerajaan; atau
- (b) seseorang kanak-kanak yang berumur wajib disekolahkan yang dikecualikan di bawah bab 4; dan
- (c) seseorang kanak-kanak yang sentiasa hadir sebagai seorang murid di sesebuah institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah bab 65(1) dari Perintah Pendidikan, 2003 (S 59/03).

Pengecualian.

4. (1) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, mengecualikan mana-mana kanak-kanak atau golongan kanak-kanak yang berumur wajib disekolahkan dari semua atau sebarang peruntukan bab 3.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah bab ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa.

Penubuhan dan keanggotaan Lembaga.

5. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan yang dikenali sebagai Lembaga Pendidikan Wajib.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada sebilangan ahli sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, atas budi bicaranya.

(3) Menteri hendaklah melantik salah seorang ahli Lembaga sebagai pengerusi.

Tempoh memegang jawatan.

6. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (3), seseorang ahli Lembaga hendaklah memegang dan mengosongkan jawatannya menurut syarat-syarat lantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula, apabila tempohnya memegang jawatan tamat.

(2) Seseorang ahli Lembaga boleh meletak jawatan pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

(3) Jika Menteri berpuashati bahawa mana-mana ahli Lembaga —

(a) telah bersalah kerana cuai menjalankan kewajipan atau salah laku;

(b) telah menjadi bankrap atau membuat suatu penyusunan dengan pembiutang-pembiutangnya;

(c) telah menjadi tidak berupaya kerana sakit badan atau mental; atau

(d) tidak dapat atau tidak layak untuk melaksanakan tugas-tugas seorang ahli,

maka Menteri boleh membatalkan lantikannya.

(4) Kesahan sebarang prosiding Lembaga tidak akan terjejas oleh apa-apa kekosongan di kalangan ahli-ahlinya atau oleh apa-apa kecacatan dalam lantikan mana-mana ahli.

Mesyuarat Lembaga.

7. (1) Dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, separuh daripada bilangan ahli-ahli yang dilantik hendaklah membentuk korum.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga yang dihadirinya dan, semasa ketiadaannya, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk bertindak sebagai pengerusi mesyuarat itu.

(3) Lembaga boleh mewakilkan kepada mana-mana orang semua atau sebarang kuasa atau kewajipannya di bawah Perintah ini.

(4) Semua persoalan yang berbangkit dalam mana-mana mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir dan, sekiranya terdapat persamaan undi, pengerusi atau, semasa ketiadaannya, ahli yang bertindak sebagai pengerusi, hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

Kuasa dan kewajipan Lembaga.

8. (1) Kewajipan-kewajipan Lembaga adalah —

(a) untuk menyiasat sama ada sebarang peruntukan Perintah ini telah dilanggar atau sedang dilanggar;

(b) untuk membuat sokongan kepada Setiausaha Tetap mengenai penguatkuasaan sebarang peruntukan Perintah ini; dan

(c) pada amnya untuk melakukan semua perbuatan dan hal yang perlu dilaksanakan di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(2) Bagi maksud menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini, Lembaga boleh —

(a) mendengar dan memeriksa saksi-saksi dengan mengangkat sumpah;

(b) memanggil mana-mana orang untuk hadir dalam sebarang perbicaraan Lembaga bagi memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam milikannya;

(c) pada amnya menghendaki mana-mana orang untuk memberikan sebarang maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam milikannya;

(d) menghendaki mana-mana orang untuk hadir dalam sebarang sesi kaunseling atau pengantaraan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga; dan

(e) melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan sebarang kuasanya.

(3) Menteri boleh memberi arahan yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, tentang perjalanan kuasa-kuasa dan perlaksanaan kewajipan-kewajipan Lembaga dan Lembaga boleh menguatkuasakan sebarang arahan itu.

Hukuman.

9. (1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab 3(2) boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang —

(a) enggan hadir dalam sebarang perbicaraan Lembaga;

(b) enggan memberikan sebarang maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen kepada Lembaga;

(c) memberikan sebarang maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen yang palsu dalam suatu butiran mustahak dan yang diketahuinya sebagai palsu atau dia tidak mempercayainya sebagai benar; atau

(d) mengadang atau menghalang Setiausaha Tetap, Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Lembaga,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Tiada sesiapa pun boleh dituduh melakukan kesalahan kecuali atas aduan Setiausaha Tetap.

10. Tiada sesiapa pun boleh dituduh melakukan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini kecuali atas aduan Setiausaha Tetap.

Mengkompaun kesalahan.

11. Setiausaha Tetap boleh mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi dari \$2,000.

Perlindungan dari liabiliti diri.

12. Tiada guaman atau prosiding lain undang-undang boleh dikemukakan sendiri terhadap —

(a) mana-mana ahli Lembaga; atau

(b) mana-mana orang lain yang diperintahkan di bawah arahan Lembaga,

kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan atau dikatakan dalam melaksanakan Perintah ini.

Kuatkuasa Perintah ini tidak menjaskan S 59/03.

13. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Perintah ini, tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menjaskan kuatkuasa Perintah Pendidikan, 2003 (S 59/03).

Peraturan-peraturan.

14. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan sampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 24 haribulan November, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**